

25/04/2000

Penghormatan bagi saya: Hisham

Zainuri Misfar

MEMEGANG watak sebagai Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah sesuatu yang amat istimewa dan menjadi sejarah dalam kerjaya sebagai seorang pelakon, kata Hisham Ahmad Tajuddin.

"Saya seronok. Ini pertama kali saya diberikan peranan sebagai seorang pemimpin negara. Saya berasa beruntung. Pada mulanya apabila saya ditawarkan watak sebagai Perdana Menteri, saya terkejut," katanya sewaktu ditemui di penggambaran drama bersiri YB Alaf Baru di Kampung Jawa, Kerling, Selangor, kira-kira 80 kilometer ke utara Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Kata Hisham, sepanjang kerjayanya selama 20 tahun sebagai pelakon, inilah pertama kali dia diberi peranan sebagai seorang Perdana Menteri yang dianggap satu penghormatan pada dirinya.

Sementara itu, pengarah dan penerbit YB Alaf Baru, Hani Mohsin menjelaskan watak Perdana Menteri sebenarnya hanya menguatkan lagi cerita drama arahnya itu.

"Saya berpendapat tidak salah melakonkan watak PM sekarang. Lagipun, bukan untuk memaparkan yang tidak elok. Dalam drama ini, kita `perlukan' PM untuk babak melawat kampung sebagai memenuhi undangan seorang wakil rakyatnya iaitu YB Nordin Ibrahim. Dalam pada itu, kita selitkan petikan daripada ucapannya iaitu mengenai perpaduan," katanya.

Hani berkata, babak kedatangan PM ke kampung Kubang Kedondong yang bakal dimuatkan dalam episod 24 atau 25 hanya memaparkan aksi pemimpin tertinggi negara melawat kampung.

"Mula-mula saya bercadang Hisham berucap seperti PM. Bahkan gaya dan cara PM bercakap ketika ditemu bual wartawan juga akan dimuatkan sekali. Tetapi saya rasa ia sudah dianggap sebagai anti klimaks. Jadi, adegan ucapan itu dimansuhkan.

"Sebaliknya, ketika babak PM tiba di kampung dan bermesra dengan penduduk, saya masukkan suara PM mengenai pentingnya perpaduan," katanya yang turut ditemui selepas selesai mengarah drama itu pada hari berkenaan.

Drama bersiri YB Alaf Baru musim kedua itu diterbitkan sebanyak 30 episod. Ia akan disiarkan menerusi ntv7 pada pertengahan bulan depan. Judul asal drama itu ialah Assalamualaikum YB

Difahamkan ntv7 meminta drama bersiri itu diteruskan selepas mendapat sambutan yang baik daripada penonton.

Kata Hani, YB Alaf Baru mempunyai kelainan tersendiri kerana ia memaparkan kehidupan seorang wakil rakyat yang berdepan dengan dilema, iaitu tanggung jawabnya terhadap penduduk dan sebagai ketua keluarga.

Ia dibuat dalam bentuk separuh komedi supaya penonton tidak berasakan drama itu berat, selain untuk disesuaikan kepada semua golongan.

YB Alaf Baru mengisahkan kehidupan seorang wakil rakyat di Kampung Kubang Kedondong dalam daerah Cangkat Assam bernama Nordin Ibrahim atau YB Nordin. Dia digambarkan sebagai wakil rakyat yang merendah diri dan sebagai anak jati Kampung Kubang Kedondong, Nordin mempunyai hubungan rapat dengan penduduk setempat.

Disebabkan sikapnya itu, dia sering ditemui penduduk kampung yang kerap mengadu mengenai masalah mereka.

"Dalam satu episod nanti, YB Nordin terpaksa mengorbankan masa bersama keluarganya semata-mata menyelesaikan masalah dengan penduduk. Dalam erti kata lain, dia tidak boleh menolak setiap masalah yang diadu walaupun ada kalanya terlalu remeh," kata Hani.

(END)